

MENGURANGKAN KESAN JALAN RAYA TERHADAP EKONOMI

1. Kurangkan pembinaan jalan raya dan kos penyelenggaraan di kawasan cerun curam

- ◆ Kos pembinaan jalan raya adalah tinggi di kawasan cerun curam, kerana ia memerlukan lebih banyak operasi “potong dan isi/cut and fill”, system perparitan, jambatan dan terowong
- ◆ Kos boleh menjadi sangat mahal untuk menghadkan atau membayar pembaik-pulih tanah runtuh, hakisan tanah, kekeruhan sungai akibat sedimen dan mendakan, kualiti air yang rendah dan masalah lain yang berpunca dari pembinaan jalan raya juga boleh mejadi tinggi

2. Elakkan pembinaan jalan raya di kawasan lembap/basah bagi menjimatkan kos

- ◆ Jalan raya di kawasan lembap seperti kawasan paya, memerlukan asas yang kukuh, serta sistem perparitan dan kerja tanah yang mahal
- ◆ Di kawasan lembap, jalan raya cepat berlubang: kos membaik-pulih boleh melebihi US\$11,000 setiap dekad per kilometer
- ◆ Jangka hayat penggunaan jalan raya boleh berkurangan sebanyak 90% akibat hujan lebat dan banjir



3. Maximumkan pelaburan jalan raya dengan memperbaiki pentadbiran

- ◆ Kos pembinaan jalan raya boleh meningkat secara mendadak dari ketidak-stabilan politik, rasuah, konflik dan nepotisme
- ◆ Rasuah melibatkan pegawai kerajaan demi medapatkan kontrak pembinaan jalan raya boleh mencecah sehingga 15% daripada nilai kontrak pembinaan
- ◆ Konflik politik boleh meningkatkan kos pembinaan jalan raya sebanyak 30% dan keatas
- ◆ Penipuan boleh menjejaskan bajet projek pembinaan sehingga 20%
- ◆ Tuntutan pengeluaran boleh meningkatkan kos sebanyak 8-60%

4. Kurangkan kesan tinggi jalan raya di kawasan tropical lembap

- ◆ Pembinaan jalan raya di tempat yang tidak sesuai, seperti di kawasan banjir atau di bukit curam boleh mengakibatkan kerugian berbilion ringgit kepada kerajaan dan pelabur
- ◆ Perikanan di kawasan hiliran, pertanian, rekreasi dan keindahan alam semula-jadi akan terjejas daripada pembinaan jalan raya yang tidak sesuai
- ◆ Dalam ekosistem yang sensitive seperti di kawasan paya, kos membaik-pulih boleh melebihi manfaat ekonomi yang dijana daripada pembinaan jalan raya
- ◆ Kualiti air yang rendah dan banjir boleh mengakibatkan kerugian sebanyak US\$15 juta setiap tahun kepada kerajaan tempatan

5. Kebanyakan penilaian risiko jalan raya yang tidak kompeten mengakibatkan masalah besar bagi pelabur

- ◆ Banyak risiko tidak dijelaskan dengan betul oleh penyokong pembinaan jalan raya
- ◆ Kebanyakan penilaian yang dilakukan dalam projek pembinaan jalan raya yang besar demi perlindungan alam sekitar dan sosial adalah lemah
- ◆ Kos membaik-pulih struktur pembinaan jalan raya yang lemah, boleh meningkatkan risiko ekonomi secara tingi bagi para pelabur
- ◆ Kebanyakan pelabur akan teragak-agak bagi melabur dalam usaha membaik-pulih

**RISIKO EKONOMI YANG BESAR AKAN BERPUNCA DARIPADA
PEMBINAAN JALAN RAYA DI KAWASAN HUTAN TERPELIHARA, DI
KAWASAN LEMBAP ATAU CURAM**